

RANCANGAN PERNIAGAAN
MILLENNIUM FISHING CENTER

DISEDIAKAN UNTUK
ENCIK MOHD AZHAR OSMAN
KOORDINATOR MEDEC

DISEDIAKAN OLEH
MOHAMAD KHAIROL MOHAMAD
NURUL AZRITA MOHD NOOR
NORSYAZLINA BAHAROM
JULIYAHNA JAFFAR
NORHAYATI AHMAD



PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA (MEDEC)

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Kedah

Peti Surat 187

08400 Merbok

Kedah Darul Aman

Tel: 04-457 1300

Fax: 04-457 4355

Surat Kami : 500-KDH(MEDC. 15/2/1)
Tarikh : 5/1/2008

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

ASAS KEUSAHAWANAN (ETR)

Adalah dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa penama-penama yang dinyatakan di bawah ini adalah pelajar-pelajar UiTM Cawangan Kedah yang sedang mengikuti subjek Asas Keusahawanan yang dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), UiTM Cawangan Kedah pada semester ini.

Salah satu daripada syarat di dalam subjek tersebut ialah pelajar-pelajar dimestikan untuk menyediakan satu Rancangan Perniagaan (RP) yang lengkap mengenai projek yang mereka pilih sendiri.

Pelajar-pelajar berkenaan ialah:

1. Mohd Khairul Mohamad
2. Nor Syazlina Baharom
3. Nor Hayati Ahmad
4. Nurul qayla Mohd Noor
5. Zulcyanah Jaafar

Pihak kami amat berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberi kerjasama yang sewajarnya kepada penama berkenaan.

Sekian, terima kasih

Yang benar

MOHD. AZHAR OSMAN

Koordinator
b/p. Provos

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

LOGO SYARIKAT
ISI KANDUNGAN

| | | |
|----|------------------------------|----------|
| a) | SURAT SERAHAN | 111 |
| b) | PENGHARGAAN | IV |
| c) | SURAT PERJANJIAN PERKONGSIAN | V - VIII |

| | | |
|-----|---|---------|
| 1. | PENGENALAN | |
| 2. | TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN | 2 |
| 3. | LATAR BELAKANG SYARIKAT | 3 |
| 4. | LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI | 4 - 8 |
| 5. | RANCANGAN PENTADBIRAN | |
| 5.1 | PENGENALAN ORGANISASI | |
| a) | LOKASI TAPAK PROJEK | 9 |
| b) | KEDUDUKAN FIZIKAL | 10 |
| c) | BENTUK BANGUNAN | 10 |
| d) | KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR | 11 - 12 |
| 5.2 | MATLAMAT JANGKA PENDEK | 13 |
| 5.3 | MATLAMAT JANGKA PANJANG | 13 |
| 5.4 | STRUKTUR DAN CARTA ORGANISASI | 14 - 15 |
| 5.5 | TENAGA KERJA | 16 |
| 5.6 | IMBUHAN BALAS JASA DAN INSENTIF PEKERJA | 17 - 18 |
| 5.7 | DESKRIPSI TUGAS | 19 - 24 |
| 5.8 | KEPERLUAN DAN SUSUN ATUR PEJABAT | 25 - 27 |
| 5.9 | PERBELANJAAN PENTADBIRAN | 28 |

| | |
|---|---------|
| 6. RANCANGAN PEMASARAN | 29 |
| 6.1 ANALISIS PASARAN | 30 |
| a) PROFIL PASARAN | 31 |
| b) SAIZ PASARAN | 32 |
| c) PERKHIDMATAN | 33 |
| d) PELANGGAN | 34 |
| e) PERSAINGAN | 35 - 37 |
| 6.2 SYER PASARAN | 38 - 40 |
| 6.3 RAMALAN JUALAN | 41 - 42 |
| 6.4 STRATEGI PEMASARAN | |
| a) PERKHIDMATAN | 43 |
| b) EDARAN | 43 |
| c) HARGA | 44 |
| d) PROMOSI | 44 - 45 |
| 6.5 BELANJA PEMASARAN | 46 |
| 7 RANCANGAN OPERASI | |
| 7.1 PENDAHULUAN | 47 |
| 7.2 OBJEKTIF | 48 |
| 7.3 KEMUDAHAN | 49 |
| 7.4 WAKTU OPERASI | 50 |
| 7.5 IMBUHAN BALAS JASA DAN INSENTIF PEKERJA | 51 |
| 7.6 PENERANGAN RANCANGAN OPERASI | 52 - 53 |
| 7.7 ANGGARAN KOS BAHAN MENTAH | 54 - 55 |
| 7.8 KOS PERALATAN DAN MESIN | 56 |
| 7.9 JUMLAH PERBELANJAAN OPERASI | 57 |

PENGENALAN

Kami telah memilih ‘ Millennium Fishing Center ’ sebagai nama perniagaan perkongsian kami. Perniagaan kami terlibat secara langsung dalam memberi perkhidmatan memancing ikan air masin di dalam kolam buatan di kawasan tanah seluas 1 hektar bertempat di Kampung Sungai Jagung berhampiran pusat bandar Sungai Petani.

Walaupun terdapat beberapa buah pusat memancing yang telah sedia wujud berdekatan dengan lokasi perniagaan kami, namun keistimewaan yang kami miliki adalah kerana kami merupakan satu-satunya pusat memancing yang menyediakan saluran maklumat dan informasi melalui penggunaan komputer dan internet.

Dalam masa yang sama kami turut menyediakan ruang bagi sistem audio video di mana ia berfungsi memberikan maklumat mengenai cara-cara membaiki pancing, teknik memancing yang betul serta alat-alat pancing yang sesuai digunakan dan banyak lagi informasi berkaitan aktiviti memancing. Dengan cara ini, selain dapat memberikan pelanggan kepuasan memancing di kolam, kami juga dapat menambat perhatian mereka untuk mengisi minda dengan aktiviti-aktiviti yang kami sediakan.

Di samping itu juga kami turut menyediakan perkhidmatan sewa rod pancing bagi kemudahan pelanggan-pelanggan. Segala kemudahan tambahan ini masih tidak lagi disediakan oleh pesaing-pesaing yang ada. Pembaharuan yang kami lakukan ini merupakan satu langkah yang amat berani kerana kami yakin dengan adanya kelainan ini, kami mampu menarik lebih ramai pelanggan pelbagai lapisan umur daripada pelbagai golongan masyarakat.